# Lampiran A

## Karangan Berbentuk Perbincangan

### Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Karangan Berbentuk Perbincangan?

Karangan bentuk ini menguji kematangan anda memberikan hujah. Anda dinasihati memahami tajuk karangan ini dengna jelas untuk memastikan anda menulis karangan yang menepati tajuk dan tidak menyeleweng. Karangan bentuk ini memerlukan pembacaan yang luas. Tanpa pembacaan, pengetahuan anda terhadap sesuatu tajuk akan terhad. Anda tidak akan dapat mengemukakan hujah secara berkesan.

Isi karangan yang anda sampaikan mestilah logik, berdasarkan fikiran yang bernas dan matang. Isi-isi itu hendaklah anda kemukakan secara berperenggan dan disertai contoh-contoh yang sesuai untuk menyokong ulasan atau pendapat yang anda kemukakan.

Pada bahagian penutup, anda hendaklah mengemukakan pendapat atau rumusan terhadap tajuk yang anda bincangkan. Persoalan-persoalan yang mencabar fikiran pembaca atau pemeriksa boleh juga anda selitkan.

### Panduan Menulis Karangan Berbentuk Perbincangan

Ada 3 pilihan yang diberikan kepada anda untuk menullis karangan jenis ini.

i) perbincangan memihak atau bersetuju dengan tajuk yang disediakan.

ii) Perbincangan membangkang atau tidak bersetuju dan mesti mengemukakan hujah-hujah yang sesuai serta boleh diterima.

iii) Perbincangan bebas, iaitu mengambil jalan tengah, sama ada bersetuju atau tidak bersetuju. Walau bagaimanapun, kesimpulan yang anda berikan pada bahagian penutup mestilah menyatakan pendirian anda sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan.

## Lampiran B

Kandungan Kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV)

(1) Kaedah Penulisan Yang Berkesan

(2) Bentuk-bentuk Karangan

- Karangan Berbentuk Pendapat
- Karangan Berbentuk Laporan
- Karangan Berbentuk Pemaparan
- Karangan Berbentuk Perbincangan
- Karangan Berbentuk Kertas Kerja
- Karangan Berbentuk Hujahan

(3) Kaedah Memahami Teks

(4) Tatabahasa

- Penggolongan Kata Bahasa Melayu
- Kata Nama dan Frasa Nama
- Kata Kerja dan Frasa Kerja
    - Kata Kerja dan Frasa Kerja Tak Transitif
    - Kata Kerja dan Frasa Kerja Transitif
    - Ragam Ayat Pasif
- Kata Adjektif dan Frasa Adjektif
- Kata Sendi Nama dan Frasa Sendi Nama

(5) Rumus Tentang Ayat

(6) Kesalahan Umum Penggunaan Kata

Lampiran C

Unit Perkhidmatan Akademik
Universiti Sains Malaysia
Kampus Cawangan Perak

LKM 400 – Bahasa Malaysia IV

KATA NAMA

Betulkan ayat-ayat di bawah ini :

(1) Mereka-mereka yang tidak menerima jawapan hingga 20 April ini hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

(2) Terdapat beberapa banyak syarikat multinasional. Mereka sering dituduh mencampuri politik negeri tempat mereka beroperasi.

(3) Apabila beberapa spesies haiwan dalam keadaan kekurangan makanan yang berzat, mereka akan menjadi kurang peka terhadap pelbagai virus.

(4) Yang berikut ialah senarai nama-nama peserta.

(5) ASEAN mencuba menyelesaikan setengah-setengah masalah-masalah bersama.

(6) Pelbagai hasil-hasil kraftangan dipamer.

(7) Daripada kesemua contoh-contoh ini dapatlah dilihat keberkesanan dasar luar negara ini.

(8) Apa yang mesti diselesaikan segera ialah masalah polarisasi kaum.

(9) Karisma suatu jenis sifat peribadi individu yang seolah-olah mempunyai kebolehan atau kuasa yang luar biasa.

(10) Di dalam daftar nama-nama calon peperiksaan itu, tidak ada nama saya.

Lampiran D

Unit Perkhidmatan Akademik
Universiti Sains Malaysia
Kampus Cawangan Perak

LKM 400 – Bahasa Malaysia IV

Kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah ini ialah kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan rumus-rumus tentang kata kerja transitif. Cuba anda betulkan kesalahan-kesalahan itu.

(1) Lampiran-lampiran akan diedar pada hari mesyuarat.

______________________________________________

(2) Sekarang saya akan teruskan perbincangan tentang sumbangan daripada ahli-ahli sains yang lain.

______________________________________________

______________________________________________

(3) Konsep ini telah banyak dikritikkan kebelakangan ini.

______________________________________________

(4) Bumi berkeupayaan menyimbang dan memulih semula ketiga-tiga ekosistemnya.

______________________________________________

(5) Hal ini adalah disebabkan oleh salah faham masyarakat tentang kenyataan itu.

______________________________________________

(6) Langkah ketiga ialah mengumpul dan mengklasifkasikan maklumat.

______________________________________________

(7) Perkara itu adalah sedang difikir.

__________________________________________________

(8) Dekan Pusat Pengajian Kemanusiaan mencadangkan supaya Lembaga memikirkan untuk menawarkan kursus Bahasa Inggeris Minor.

__________________________________________________

__________________________________________________

(9) Jelaskan masalah-masalah yang anda akan menemui dalam kajian seperti ini.

__________________________________________________

(10) Barang-barang yang diimportkan dan dieksportkan dikenakan cukai.

__________________________________________________

Lampiran E

Unit Perkhidmatan Akademik
Universiti Sains Malaysia
Kampus Cawangan Perak

LKM 400 – Bahasa Malaysia IV

Cubalah anda jadikan ayat-ayat yang tidak gramatis di bawah ke ayat-ayat gramatis.

(1) Tuliskan karangan anda sekarang.

______________________________

(2) Murid-murid bawa beg sekolah.

______________________________

(3) Tukang sapu menyapukan lantai.

______________________________

(4) Pegawai kerani tulis surat.

______________________________

(5) Penyanyi menyanyi lagu pop.

______________________________

(6) Jangan merepek.

______________________________

(7) Dia baru mengendalikan syarikat itu.

______________________________

(8) Minta tuan menurunkan tandatangan di sini.

______________________________________________

(9) Jangan mengeluh apabila diberi latihan.

______________________________________________

(10) Burung merpati itu mengeram telurnya.

______________________________________________

Lampiran F

Unit Perkhidmatan Akademik
Universiti Sains Malaysia
Kampus Cawangan Perak

LKM 400 – Bahasa Malaysia IV

Cuba imbuhkan akhiran –kan atau –i, menurut mana yang sesuai, pada kata yang bergaris di bawah :

(1) Hakim menjatuh penjenayah itu hukuman.

(2) Hakim menjatuh hukuman ke atas penjenayah itu.

(3) Baginda mengurnia pingat kepada olahragawan Negara.

(4) Baginda mengurnia olahragawan Negara pingat.

(5) Pernas membekal peniaga bumiputera import dari negeri China.

(6) Pernas membekal import dari negara China kepada peniaga bumiputera.

(7) Banyak satelit yang mengedar ruang angkasa.

(8) Ali mengembala lembu ayahnya.

(9) Tukang masak menggaram ikan.

(10) Petani membaja tanaman.

(11) Siri Dallas mengisah kehidupan satu keluarga yang kaya raya.

(12) Jururawat mengubat luka.

(13) Dia sering menyurat ibunya.

(14) Orang zaman dahulu suka menghamba diri kepada raja.

(15) Mekanik sedang meminyak jentera.

Lampiran G

Unit Perkhidmatan Akademik
Universiti Sains Malaysia
Kampus Cawangan Perak

LKM 400 - Bahasa Malaysia IV

Ayat-ayat di bawah mengandungi kesalahan-kesalahan berhubung kata adjektif. Cuba betulkan kesalahan-kesalahan itu.

(1) Ada lain-lain cadangan?

______________________________________________

(2) Buah delima mempunyai sangat banyak ulas.

______________________________________________

(3) Malaysia mengeluarkan banyak getah.

______________________________________________

(4) Atom klorin mempunyai lebih cas negatif daripada yang dipunyai oleh atom karbon.

______________________________________________

(5) Yang manakah yang mengandungi lebih mitokondra?

______________________________________________

(6) Nelayan itu dapat menangkap banyak ikan.

______________________________________________

(7) Pemborong selalunya memberikan sedikit diskaun kepada peruncit.

________________________________________________

(8) Rancangan-rancangan siaran TV3 bagus-bagus.

________________________________________________

Lampiran H

Universiti Sains Malaysia
Pusat Bahasa Dan Terjemahan

LKM 400 – Bahasa Malaysia IV

Latihan 1

Baiki ayat-ayat di bawah dari segi tatabahasa.

1. Tentera Bangsa-bangsa Bersatu menghantar makanan pada penduduk yang kebuluran dan juga ke dalam kawasan pedalaman.

2. Dia terkejut bila mendengar bunyi dentuman yang kuat itu.

3. Hal itu kami akan bincangkan dalam mesyuarat bahagian nanti.

4. Budak yang berdiri di sebelah adik saya itu adalah seorang budak yang aktif dalam sukan.

5. Ketua jabatan saya akan dianugerahkan darjah kebesaran oleh yang dipertuan Agung.

6. Dari ungkapan yang diperolehi itu, kita boleh membuat analisa tentang tanda tersebut.

7. Punca kepada kegagalan itu adalah disebabkan oleh kelemahan di dalam pengurusan kewangan.

8. Adalah perlu bagi kita untuk mengetahui keseluruhan pendekatan dan kaedah yang digunakan.

9. Berbagai masalah timbul akibat peristiwa yang memalukan itu.

10. Di masa kini orang-orang Melayu yang menceburi diri di dalam bidang perniagaan banyak.

Lampiran I

Universiti Sains Malaysia
Pusat Bahasa Dan Terjemahan

LKM 400 – Bahasa Malaysia IV

Latihan 2

Betulkan ayat-ayat yang berikut dari aspek tatabahasa.

1. Bukan sahaja telur-telur bersenyawa tetapi juga berkembang di dalam tubuh ikan betina.

2. Oleh kerana akibat letupan tidak terjadi perubahan pada daya luar, kita beranggapan yang pusat.

3. Lain-lain belanja selain daripada harga invois seperti harga pengangkutan, penstoran dan pengagihan dimasukkan di dalamnya juga.

4. Limau mengandungi lebih gula daripada tembikai.

5. Dia meminta tutornya memberikan penjelasan sedikit tentang kuliah pada petang itu.

6. Dengan kehadiran tuan dan puan akan menyerikan majlis perkahwinan anak saya.

7. Dia diberhentikan kerja kerana melakukan banyak kesalahan pecah amanah.

8. Disebabkan hal itu dia bermasam muka dengan rakan karibnya.

9. Ketiga-tiga pegawai tentera udara yang terbunuh itu adalah merupakan antara pegawai terbaik TUDM.

10. Pengurus kawasan hendaklah melaporkan kepada Pengarah Negeri mengenai keputusan Jemaah Pengarah.

Lampiran J

Universiti Sains Malaysia
Pusat Bahasa Dan Terjemahan

LKM 400 – Bahasa Malaysia IV

Latihan 3

Betulkan ayat-ayat yang berikut dari aspek tatabahasa.

1. Berbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk mengatasi mengenai masalah kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur.

2. Ia juga mencadangkan kepada Jemaah Pengarah mengenai kakitangan yang harus diambil atau dipecat.

3. Aktivitinya dirancang berdasarkan kepada tujuan penubuhannya.

4. Langkah itu bertujuan untuk membolehkan semua projek-projek yang dilulus tidak menjejas keadaan alam semual jadi.

5. Melalui pendekatan ini, kedua pneyelidek dan responden dapat sedar tujuan sebenar untuk menyertai aktiviti yang dilakukan.

6. Penyelidikan dapat mendedahkan tentang cara orang berfikir.

7. Mereka tidak boleh menyertai secara langsung di dalam aktiviti politik.

8. Di peringkat ini objektif utama adalah untuk memastikan samada segala prosedur kajian luar telah digunakan oleh penemuduga.

9. Dia bertanggungjawab menjalan dan menguruskan segala aktiviti-aktiviti pertubuhan.

10. Apa yang berlaku di dalam diri individu ada perkaitannya dengan proses sosialisasi semasa umur seseorang meningkat dan menjadi.

# Lampiran K

Cheung Poi Bhan 56406.

Kumpulan: Jumaat 8.00 - 10.00 pagi

Kegawatan ekonomi yang melanda Malaysia adalah kerana pihak tertentu yang tidak dapat mengurus sistem ekonomi negara dengan baik. Bincangkan.

Kegawatan ekonomi yang melanda Malaysia menjelang akhir tahun 1997, telah menjejaskan usaha Malaysia untuk menjadi kuasa ekonomi yang kuat di rantau ASEAN. Aktiviti spekulasi mata wang telah menyebabkan kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham. Keadaan ini telah membawa pada masalah ekonomi iaitu pertambahan hutang luar negara dan pengaliran keluar modal jangka pendek kerana pelabur-pelabur kehilangan keyakinan. Krisis ekonomi ini turut dirasai individu, badan korporat dan kerajaan. (1) Kadar inflasi telah meningkat dari 4 peratus ke 8 peratus, nilai ringgit merosot ke paras sebanyak RM 4.8 ke AS$1 dan indeks BSKL yang menjunam ke kurang daripada 500 poin turut mengheret Malaysia ke dalam krisis ekonomi serantau. Terdapat pihak tertentu yang menuduh bahawa krisis ini berpunca daripada kelemahan pengurusan sistem ekonomi negara, namun faktor-faktor luaran seperti pelabur asing juga merupakan punca kegawatan ekonomi yang melanda negara kita.

Belanjawan negara yang diumumkan setiap tahun merangkumi rancangan perbelanjaan sepanjang tahun yang akan datang. Sejak beberapa tahun ini, negara kita boleh dikatakan mengalami pembangunan yang sangat pesat. Perkembangan pesat yang dialami dalam jangka masa yang pendek ini menyebabkan dana negara tidak kukuh. Pelaburan negara yang tidak terkawal ini menyebabkan ~~kefize~~ ketirisan belanjawan negara. Sebagai akibat; sistem ekonomi negara tidak kukuh dan sering mengalami gangguan kuasa-kuasa besar dari negara asing. Justeru itu, kegawatan ekonomi yang melanda negara kita boleh dikatakan berpunca daripada kelemahan perancangan sistem ekonomi negara.

Pengurusan sistem perbankan negara yang tidak terancang juga merupakan punca ~~kepada~~ krisis ekonomi di negara kita. Pihak bank ~~memberi~~ sering memberi kredit pinjaman kepada peminjam-peminjam yang tidak berkelayakan, misalnya mereka yang tidak mempunyai cagaran, tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan sebagainya. Pihak bank juga tidak menjalankan siasatan yang teliti terhadap latar belakang dan kemampuan peminjam tersebut untuk memulangkan wang yang dipinjam oleh mereka. Selain itu, sikap neopotisme dan kronisme yang diamalkan oleh sesetengah pihak atasan juga mengakibatkan sistem pengurusan kerajaan. Mereka mengupah saudara mara dan sahabat handai untuk bekerja dalam syarikat mereka tanpa mengambil kira

kelayakan dan kemampuan mereka. Masalah ini secara tidak langsung telah menjejaskan prestasi syarikat tersebut. Perkara ini juga berlaku tidak adil terhadap mereka yang betul-betul berkemampuan. Hal ini bukan sahaja menjejaskan prestasi syarikat itu, tetapi ini juga dapat menjejaskan taraf dan imej negara. Justeru kegagalan dalam pengurusan sistem perbankan negara juga merupakan salah satu punca berlakunya kegawatan ekonomi di negara kita.

Projek-projek mega yang dijalankan di negara kita selaras dengan pembangunan negara yang pesat seperti Projek Empangan Bakun dan Projek Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) memerlukan memerlukan sejumlah wang yang besar. Hal ini telah menyebabkan negara kita terpaksa meminjam wang daripada negara asing. Pinjaman luar negara yang berlebihan ini menyebabkan negara kita banyak berhutang dengan negara luar. Hutang jangka panjang ini membebankan kerajaan terutamanya semasa krisis ekonomi ini. Selain itu, ketidakcekapan pembahagian aset negara juga mewujudkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang dan kukuh. Justeru itu, perancangan kerajaan yang tidak teliti juga menyebabkan kegawatan ekonomi negara.

Selain itu, sikap usahawan yang tidak inovatif dan tidak kreatif ~~serta~~ juga memburukkan keadaan ekonomi negara kita. Usahawan tempatan yang terlalu bergantung kepada pelabur asing khususnya dari segi modal menyebabkan usahawan tempatan menghadapi masalah yang besar ketika pelabur asing menarik diri. Jika pelabur asing menarik diri, modal sesuatu projek tidak mencukupi, tenaga pekerja dan pakar-pakar teknologi berkurangan dan alat-alat yang canggih turut tidak mencukupi. Hal ini telah menjejaskan perkembangan ekonomi negara kita. Selain itu penarikan diri pelabur asing juga menyebabkan pelabur tempatan kehilangan keyakinan terhadap pasaran tempatan. Justeru pelabur tempatan turut menarik diri daripada pelaburan mereka. Keadaan ini telah memburukkan lagi keadaan ekonomi.

Sikap rakyat Malaysia yang kurang menabung, kekurangan pendedahan kepenggunaan, membazir dan juga sikap mengagung-agungkan barangan import menyebabkan keadaan ekonomi negara tidak kukuh. Kerajaan terpaksa mengimport barangan dari luar untuk memenuhi permintaan masyarakat tempatan. Hal ini secara langsung telah mengakibatkan pengaliran mata wang ke luar negara. Sikap rakyat yang tidak bertimbang rasa ini ~~menyebabkan~~ mengakibatkan masalah ekonomi bertambah teruk.

Kegawatan ekonomi yang melanda negara kita telah menjejaskan pembangunan negara kita. ~~Kerajaan~~ Langkah-langkah yang drastik perlu dijalankan untuk menangani masalah ini. Kerajaan, pihak swasta dan semua rakyat harus berganding bahu dan bekerjasama demi kemakmuran dan kesejahteraan negara kelak.

I – 7
O – 12½
B – 57

76.5

15.3

No:........................ Date:..........

NOR FADEQAH BT IDRUS
56465/99
P.P. KEJ KIMIA.

Soalan: Kegawatan ekonomi yang melanda Malaysia adalah kerana pihak tertentu yang tidak dapat mengurus sistem ekonomi negara dengan baik. Bincangkan.

Dua tahun yang lalu, negara kita dikejutkan dengan masalah kejatuhan nilai mata wang. Sebagai akibat daripada masalah tersebut, kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia mengalami masalah kegawatan ekonomi. Banyak pihak berpendapat, kegawatan ekonomi yang melanda Malaysia adalah kerana kegagalan pihak tertentu menguruskan sistem ekonomi negara yang baik. Pada pendapat saya, pernyataan ini benar tetapi ~~tidak sepenuhnya~~ bukan semua faktor-faktor kegawatan ekonomi berpunca daripada masalah pengurusan negara. Ia turut dipengaruhi oleh faktor faktor-faktor asing.

Faktor utama wujudnya masalah kegawatan ekonomi di Malaysia ialah kegagalan kerajaan mengawal kemasukan barangan import ke negara kita. Kemasukan barangan import yang banyak menyebabkan kadar aliran keluar wang negara yang tinggi dan mengurangkan kadar tukaran wang asing. Hal ini kerana barangan ~~import~~ yang diimport adalah mahal dan kerajaan terpaksa membayar cukai barangan yang tinggi. Barangan yang diimport ~~lebih~~ ~~melebihi~~ lebih banyak ~~dipaso~~ di pasaran berbanding dengan barangan tempatan. Sikap rakyat Malaysia yang lebih suka membeli barangan import menyebabkan kadar aliran keluar wang negara meningkat. Kerajaan tidak dapat mengawal masalah ini dan membiarkan ia terus berlaku tanpa sebarang sekatan terhadap kemasukan barangan import. Jadi, jelaslah bahawa pengurusan sistem ekonomi negara tidak diuruskan dengan baik.

Penggunaan tenaga buruh dan tenaga pakar asing juga merupakan faktor yang menyumbang~~kan~~ kepada masalah kegawatan ekonomi. Kerajaan tidak dapat menggunakan sepenuhnya tenaga buruh dan tenaga pakar tempatan yang sedia ada. Alasannya ialah kualiti kerja yang dimiliki oleh tenaga asing lebih baik daripada tenaga

Uni

No:.................................. Date:..................

tempatan. Penggunaan tenaga asing turut meningkatkan kadar pengaliran keluar wang negara kerana kerajaan terpaksa membayar gaji yang tinggi kepada mereka selaras dengan gaji yang mereka peroleh dari negara asal mereka. ~~Apabila~~ Kadar pengaliran keluar wang ~~keluar~~ negara yang tinggi hasil daripada pembayaran cukai barangan import dan (K) bayaran upah yang tinggi kepada tenaga asing menyebabkan wang simpanan negara semakin berkurangan. ~~Kejatuhan nilai mata wang~~ ~~Perkara~~ ini membuktikan kerajaan tidak dapat menguruskan sistem ekonomi negara dengan baik.

Dasar kerajaan yang membenarkan sistem dagangan bebas juga menyumbang kepada masalah kegawatan ekonomi ini. ~~Pedagang~~ Pelabur asing dibenarkan melabur di Malaysia tanpa sebarang sekatan. ~~Pedagang~~ Pelabur asing yang melabur di Malaysia membeli harta persendirian ~~di negara kita~~ dan menyebabkan kebanyakan syarikat adalah milik asing. ~~berbanding~~ (W) Malaysia memperoleh pendapatan yang tinggi hasil daripada pelaburan ~~pedagang~~ pelabur asing, tetapi apabila nilai mata wang dunia menurun, kadar tukaran wang asing adalah lebih tinggi berbanding Ringgit Malaysia. Jadi, ~~pedagang~~ pelabur asing memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Pelabur asing yang memiliki saham di negara kita melepaskan saham mereka ketika kegawatan ekonomi ~~berlaku kerana~~ untuk mengelakkan kerugian. Jadi, negara terpaksa menanggung kerugian hasil daripada tindakan pelabur asing. Hal ini berpunca daripada ~~ketidakseimbangan~~ pengurusan ekonomi negara yang tidak seimbang.

Masalah kegawatan ekonomi juga berpunca daripada pengurusan sistem perbankan negara yang tidak seimbang. Perkara ini kerana wujudnya ~~kronisme~~ masalah kronisme dalam sistem pengurusan perbankan. Masalah kronisme menyebabkan pihak tertentu mengaut keuntungan yang berlipat ganda tanpa mempedulikan kesannya terhadap negara. Penguasaan pihak tertentu dalam bidang ekonomi ~~ini~~ mengakibatkan nasib rakyat yang ~~ter-~~ terabainya rakyat miskin. Masalah kronisme dalam sistem perbankan juga menyebabkan ~~banyak~~ bank mengalami hutang yang banyak. Kebanyakan wang negara dibelanjakan untuk membayar hutang bank. Jadi, negara mengalami kerugian kerana kadar wang keluar lebih banyak daripada kadar wang masuk ke negara. ~~Jadi,~~ Ini

No:............................ Date:............

Pengurusan ekonomi yang tidak sistematik ini menyebabkan ~~kekurangan~~ bank ~~ber~~ mengalami hutang yang banyak.

Masalah kegawatan ekonomi bukan sahaja disebabkan oleh pengurusan ekonomi negara yang tidak begitu baik. Ia turut dipengaruhi oleh faktor asing. Sistem mata wang dunia yang dikawal oleh Amerika Syarikat menyebabkan ~~turun~~ naiknya nilai mata wang. Mereka boleh menaik atau menurunkan ~~...~~ nilai mata wang sesuka hati mereka. Apabila nilai mata wang dunia turun, kadar tukaran Ringgit Malaysia menurun berbanding mata wang asing. Maka, faktor asing turut menyumbang kepada masalah kegawatan ekonomi.

(e) ~~Kesimpulannya~~, kegawatan ekonomi negara kebanyakkannya disebabkan oleh kegagalan pengurusan ekonomi negara. Yang sistem pengurusan ekonomi yang lebih mementingkan kualiti berangan impact daripada tempatan.

I – 7
O – 14½
B – 53

74.5

(14.9)

Low Kuang Siang ... 56932.

Tajuk: Ada pihak yang berpendapat bhw krisis ekonomi yang melanda negara kita berpunca pada kelemahan pengurusan ekonomi negara.

Krisis ekonomi yang melanda negara kita telah membawa
(W) banyak kerugian kepada negara kita. Hal demikian kerana
banyak naga projek terpaksa ~~berhenti~~ dihentikan dan
(S) Bursa saham negara ~~ini~~ kita pun terjatuh ke paras yang rendah.
(i) Nilai mata wang negara pun terjatuh menyebabkan
nilai wang kita menjadi kecil kalau berbanding dengan
(S) nilai ~~d~~ mata wang negara asing. Perkara ini telah
~~membawa~~ menyebabkan negara kita ~~balik~~ menjadi sebuah negara yang
miskin seperti ~~keadaan~~ keadaan negara kita ~~selepas~~ semasa
kemerdekaan.

Ramai penduduk negara kita, berpendapat bahawa
krisis ekonomi yang melanda negara kita berpunca pada
kelemahan pengurusan ekonomi negara. Sebenarnya, ~~hal~~ hal
(C) ~~demikian~~ demikian adalah ~~betul~~ benar. Apa yang kita dapat lihat semasa
krisis ekonomi melanda negara kita pihak pengurusan ekonomi
(i) negara ~~te~~ ~~banyak~~ telah menjalani ~~b~~ banyak langkah untuk
~~membentung~~ menyelesaikan krisis itu. Tetapi, langkah-langkah
(?) yang dilaksanakan gagal membendung krisis ekonomi. Hal demikian
menunjukkan pihak pengurusan gagal melancarkan langkah yang
berkesan untuk menyelesaikan masalah.

Sebenarnya, krisis ekonomi yang melanda negara kita bukan
sahaja berpunca pada kelemahan pengurusan ekonomi negara tetapi
terdapat banyak faktor lain yang menyebabkan krisis ekonomi
(W) negara. Antaranya adalah pendatang asing. Pendatang asing
telah banyak melabur di negara kita seperti Pelabur Amerika
Syarikat, pelabur ~~Jepun~~ Jepun, pelabur British dan lain-lain.
(i) Banyak ~~di~~ pelabur asing, setelah memperoleh keuntungan
banyak akan menamatkan perniagaan mereka di negara
kita. ~~Hal~~ Hal demikian menyebabkan mata wang negara kita
mengalir keluar negara ini akan menyebabkan nilai mata
(8) wang negara menurun. Selain itu, ~~kelangan pemiagaan~~
peluang pekerjaan di negara kita juga akan berkurang

maka pengangguran berlaku di negara kita. Sehingga, ekonomi negara kita menurun.

Ketidakstabilan bursa saham negara kita juga menyebabkan berlakunya krisis ekonomi. Hal demikian kerana ramai peniaga ~~peniaga~~, orang awam membeli saham, apabila harga saham yang dibeli oleh mereka terjatuh, maka ini akan mempengaruhi perniagaan mereka. Khususnya kepada peniaga-peniaga ~~dan syarikat~~ untuk syarikat-syarikat yang besar, apabila harga saham syarikat mereka terjatuh, maka syarikat tersebut mungkin muflis. Oleh sebab syarikat tersebut akan kekurangan modal dan akan menyebabkan banyak projek perlu ditamatkan. Maka ramai orang akan kehilangan pekerjaan. Akhirnya ekonomi negara kita turut terjejas. Oleh itu, kestabilan bursa saham sesebuah negara adalah sangat penting untuk meningkatkan ekonomi negara tersebut.

~~Rakyat~~ Rakyat juga

Peranan rakyat juga merupakan faktor utama mempengaruhi ekonomi ~~sesuatu~~ negara. Rakyat harus berkerjasama dengan semua lapisan negara masyarakat dan memberi kepercayaan yang tinggi serta sokongan sepenuh kepada pihak pentadbiran negara. Rakyat harus bekerjasama dan berpadu untuk menentang krisis ekonomi yang melanda negara kita.

Apa yang dapat kita lihat di Indonesia ialah rakyat yang tidak padu dan tidak memberi sokongan dan kepercayaan terhadap kerajaan mereka menyebabkan ekonomi negara jatuh dengan teruk sekali. Hal demikian kerana tidak ada pelabur ingin melaburkan modal mereka di negara Indonesia. Hal ini menyebabkan ramai penduduk ~~ini~~ tidak mempunyai pekerjaan, maka menimbulkan banyak masalah ~~rasa~~ jenayah berlaku seperti perompakan dan pembunuhan berlaku.